

17 JUN 2000

MAHATHIR BERLEPAS BAGI SIDANG KEMUNCAK G15 DI KAHERAH

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Kaherah hari ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara-negara Membangun (G-15) Ke-10 yang dijadual bermula Isnin ini.

Beliau diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Jet kerajaan yang membawa mereka berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada kira-kira pukul 3.15 petang.

Turut hadir di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri Kabinet.

Dr Mahathir merupakan antara beberapa ketua negara dan kerajaan yang dijangka menghadiri Sidang Kemuncak Kaherah itu.

G15 dianggotai 17 negara -- Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

-- BERNAMA

AKT RHM